

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)

1. Is my Medical Cover Rider plan affected by this tabarru' rate revision?

Yes, tabarru' rates for all Medical Cover Rider plans will be revised.

2. When will the revised tabarru' rates take effect?

The revised tabarru' rates will take effect on your next certificate anniversary falling on or after 11th November 2022. Example:

Certificate Anniversary	Effective Date for Revised Tabarru' Rates
11 th November	11 th November 2022
31 st December	31 st December 2022
1 st April	1 st April 2023

3. Why are the tabarru' rates being revised for my Medical Cover Rider plan?

The 2022 Global Medical Trends Survey conducted by Willis Tower Watson (WTW), it reveals considerable variation in healthcare cost increases around the world. With COVID-19 cases surging around the world for the last 2 years, the uneven spread of the pandemic created considerable volatility in healthcare utilization and costs. The projected healthcare benefit cost trend is expected to increase due to uncertainties with the ongoing effects of COVID-19. In addition, high medical inflation rates and the advancements in the healthcare industry has led to rising medical expenses. Aon plc (NYSE:AON), a leading global professional services firm providing a broad range of risk, retirement and health solutions, has conducted numerous surveys for the past few years on global medical trend rates and inflation. Based on their 2019 Global Medical Trend Rates Report, it was revealed that Malaysia's medical inflation rates has consistently been in double digit percentage throughout the past 10 years. We (AmMetLife Takaful) periodically review our medical plans to examine if we can continue to provide you with medical benefits in the environment of rising medical cost. Following our recent review, AmMetLife Takaful will revise your tabarru' rates to reflect the higher cost in the provision of medical benefits.

4. Why did you revise my tabarru' rates even though I have not made any claims?

Your medical takaful is underwritten based on the principle of risk pooling. In other words, your tabarru' rates are pooled together with other certificate holders' tabarru' rates to pay for all medical claims incurred. Risk pooling ensures that each and every one of you is equally protected from the risk of higher medical cost. Therefore, the increased medical cost is also fairly shared across the group of certificate holders.

5. What are measures taken by AmMetLife Takaful to control the rising cost of claim?

AmMetLife Takaful is very passionate about managing the rising costs of medical claims prudently and wisely. As such, we have established and regularly review our cost management programs with the emphasis to control and contain healthcare costs effectively. Below are some of our cost containment initiatives:

- Instantaneous corporate discount on the hospital bills from our panel hospitals.
- Overall medical utilization trends are reviewed to create a broader program to engage members in their health, shape lifestyle choices, and promote prevention as indirect cost management initiatives.
- Ensuring the claims incurred with the healthcare providers are appropriate and relevant medical care provided to the patients are according to their medical needs.

6. How are my revised tabarru' rates being determined?

The tabarru' rates are determined based on the actual medical claims incurred for Medical Cover Rider which is much higher than expected. Hence, the tabarru' rates of all certificate holders are increased based on the principle of risk pooling. The tabarru' rates will be revised to cover the rise in medical claim cost and to enable us to provide you with medical coverage continuously subject to certificate is in force.

7. Will the tabarru' rates of Medical Cover Rider be guaranteed after this tabarru' rate revision?

The General Conditions clause of the certificate contract states that the tabarru' rates are not guaranteed and can be revised by notifying the certificate holder in writing at least ninety (90) days in advance of the effective date for the new tabarru' rates.

8. Are there any changes to my benefits coverage after the tabarru' rate revision?

All existing benefits will remain unchanged.

9. Why am I being advised to pay additional contribution for my certificate after this tabarru' rate revision?

The increase in the contributions (i.e. Investment Portion Contribution) are only meant to fund the revision of the tabarru' rates. Even with the new total contribution, it is possible that the account value of your certificate may not be sufficient at all times to pay for your tabarru' rates, other fees and charges, which may result in the disruption of your coverage. The contribution allocation rate for the Investment Portion Contribution is 95% and the amount will be used to purchase units in the investment-linked fund(s) which you have selected.

10. How will my revised tabarru' rates be charged?

The revised tabarru' rates will be charged and deducted from your investment-linked fund(s) on your next certificate anniversary.

11. How will the additional contribution be implemented to my certificate?

In order to minimize the financial impact of the tabarru' rates revision and safeguard your medical coverage from any disruption, a two-year staggered phased approach for additional contribution will be automatically extended to your plan.

The staggered additional contribution will be implemented as follows:

- Phase 1 : Effective from your next certificate anniversary date; and
- Phase 2 : Effective from subsequent certificate anniversary date after Phase 1.

The additional contribution for Phase 2 will continue to be applicable for the subsequent certificate years.

12. What if I do not wish to pay the additional contribution?

You have the option to choose a lower plan with reduced coverage. If you opt for a lower plan, it is advisable that you assess if the lower plan continues to meet your medical protection needs.

If your existing plan is already the lowest plan available, you may contact our Customer Care Centre or your agent to consider the following options:

- Reduce the sum covered of the basic plan; or
- Reduce the sum covered for other rider(s); or
- Cancel other rider(s).

13. How will my new total contribution be charged?

Your new total contribution will be automatically charged on your next certificate anniversary. The new total contribution, inclusive of the additional contribution will follow your current contribution payment arrangement in terms of contribution payment mode and method of payment.

If your payment is via auto-debit or credit card, the new total contribution will be charged automatically. However, if the new total contribution exceeds the limit of the amount to be auto-debited, the new total contribution will not be charged. You are advised to re-submit the Auto Debit Application Form (for auto-debit)/ Credit and Debit Authorisation Form (for credit card) to AmMetLife Takaful. These forms are available at www.ammetylifetakaful.com. If your payment is via cash or cheque, you will need to pay the full amount of the new total contribution before contribution due date.

14. What is the option available if I cannot afford the tabarru' rates and additional contribution as suggested?

You have the option to choose a lower plan with reduced coverage. If you opt for a lower plan, it is advisable that you assess if the lower plan continues to meet your medical protection needs.

If your existing plan is already the lowest plan available, you may contact our Customer Care Centre or your agent to consider the following options:

- Reduce the sum covered of the basic plan; or
- Reduce the sum covered for other rider(s); or
- Cancel other rider(s).

You may refer to **Appendix 1** for more information on the other plans available and **Appendix 2** for the revised annual tabarru' rates.

It is not advisable to cancel this rider as your medical protection benefit will be ceased and terminated. Hence, we strongly encourage you to maintain your plan to reduce the risk of having inadequate medical protection.

15. What should I do next?

If you decide to keep your current plan, no notification to AmMetLife Takaful is required. However, you are advised to do the necessary payment arrangements to ensure that your new total contribution is paid in full so that your certificate will remain in force.

If you decide to opt for other options, you may contact our Customer Care Centre at **1-300-22-9777** or email us at customercare@ammetylifetakaful.com. Alternatively, you may also contact your agent should you need any further assistance.

APPENDIX 1

Medical Cover Rider is available in 4 plans with different level of benefits:

Plan Type (Maximum Per Disability)	Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)	Plan 4 (RM)
In-patient Benefits				
Room & Board (max. of one hundred fifty (150) days)	150	200	300	400
Intensive Care Unit (max. of seventy five (75) days)	250	300	400	500
Hospital Miscellaneous Services	As charged ¹ basis subject to Overall Annual Limit & Lifetime Limit			
Operating Theatre Fees				
Surgical Benefit				
Anaesthetist's Fees				
Pre & Post Benefits				
Pre-hospital Diagnostic Services (within sixty (60) days prior to admission or surgery)	As charged ¹ basis subject to Overall Annual Limit & Lifetime Limit			
Pre-hospital Specialist Consultation (within sixty (60) days prior to admission or surgery)				
Post Hospital Follow-up (within sixty (60) days from discharge)				
Second Surgical Opinion (within sixty (60) days prior to surgery)				
In-hospital Physician Visit (max. two (2) visits per day/ one hundred fifty (150) days)				
Out-patient Benefits				
Emergency Treatment for Accidental Injuries inclusive of Dental injury (within twenty four (24) hours & thirty one (31) days for follow-up)	1,500	2,000	3,000	4,000
Out-patient Physiotherapy (with written referral within ninety (90) days from date of being discharged from hospital/ surgery)	As charged ¹ basis subject to Overall Annual Limit & Lifetime Limit			
Day care procedure (inclusive of all incidental services & supplies)				
Ambulance Fees				
Medical Record Fees	80	80	80	80
Medical Catastrophe Benefits				
Outpatient Cancer Treatment (max. per annum)	30,000	40,000	50,000	60,000
Outpatient Kidney Dialysis (max. per annum)	30,000	40,000	50,000	60,000
Organ Transplant (once per lifetime)	50,000	75,000	100,000	125,000
Miscellaneous Benefits				
Government Service Tax	As charged ¹ basis subject to Overall Annual Limit & Lifetime Limit			
Overall Annual Limit	75,000	100,000	150,000	200,000
Lifetime Limit	375,000	500,000	750,000	1,000,000

¹As charged refers to actual charges incurred for reasonable, necessary and customary medical care provided in the treatment of a covered Disability.

APPENDIX 2

Effective from 11th November 2022, the annual tabarru' rates (in RM) are as follows:

Age next birthday	Revised Tabarru' Rates (RM)			
	Plan 1	Plan 2	Plan 3	Plan 4
30 days to 5	1,132	1,518	1,690	1,991
6 to 17	397	605	704	732
18 to 35	490	903	1,002	1,018
36 to 45	658	1,176	1,300	1,325
46 to 55	937	1,599	1,772	1,809
56 to 60	1,327	2,195	2,418	2,467
61 to 65**	1,792	3,039	3,511	3,587
66 to 70**	2,201	3,958	4,604	4,685
71 to 75**	2,629	5,002	5,846	5,959
76 to 80**	3,317	6,666	7,858	8,001

**Applicable for Renewal Ages only

Notes:

Your actual tabarru' rates may vary and may be subject to occupation loading or health loading depending on AmMetLife Takaful's underwriting requirements.

Disclaimer: In the event of any dispute or discrepancy between the Bahasa Malaysia and English versions, the English version shall prevail.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Adakah pelan Medical Cover Rider saya terlibat dalam semakan semula kadar tabarru' ini?**

Ya, kadar tabarru' untuk semua pelan Medical Cover Rider akan disemak semula.

2. **Bilakah kadar tabarru' yang disemak semula akan berkuat kuasa?**

Kadar tabarru' yang disemak semula akan berkuat kuasa pada ulang tahun sijil anda yang akan datang yang jatuh pada atau selepas 11 November 2022.

Contoh:

Ulang Tahun Sijil	Tarikh Kuat Kuasa untuk Kadar Tabarru' Disemak Semula
11 November	11 November 2022
31 Disember	31 Disember 2022
1 April	1 April 2023

3. **Mengapakah kadar tabarru' pelan Medical Cover Rider saya perlu disemak semula?**

Tinjauan berkenaan Trend Perubatan Global 2022 yang dijalankan oleh Willis Tower Watson (WTW), mendedahkan terdapat variasi yang besar dalam peningkatan kos penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Dengan kes COVID-19 yang melonjak di seluruh dunia semenjak 2 tahun lalu, penyebaran wabak yang tidak menentu ini telah menyebabkan ketidaktentuan dalam penggunaan khidmat perubatan dan kos rawatan. Unjuran trend manfaat kos rawatan kesihatan dijangka meningkat disebabkan ketidaktentuan dari kesan berterusan COVID-19. Di samping itu, kadar inflasi perubatan yang tinggi serta kemajuan dalam industri kesihatan turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perubatan. Aon plc (NYSE: AON), firma perkhidmatan profesional global terkemuka yang menawarkan penyelesaian dalam pelbagai jenis bidang seperti bidang risiko, persaraan dan kesihatan, telah menjalankan kaji selidik untuk beberapa tahun kebelakangan ini mengenai kadar trend perubatan dan inflasi global. Berdasarkan Laporan Kadar Trend Perubatan Global 2019 mereka, menunjukkan bahawa kadar inflasi Malaysia secara konsisten berada dalam peratusan dua angka sepanjang 10 tahun yang lalu. Kami (AmMetLife Takaful) menyemak semula pelan perubatan kami secara berkala untuk memastikan sama ada kami boleh terus menyediakan manfaat perubatan kepada anda dalam keadaan kos perubatan yang semakin meningkat ini. Berdasarkan semakan semula terkini yang dijalankan oleh kami, AmMetLife Takaful akan menyemak semula kadar tabarru' anda untuk menangani kos penyediaan manfaat perubatan yang semakin tinggi.

4. **Mengapakah kadar tabarru' saya disemak semula walaupun saya tidak membuat sebarang tuntutan?**

Manfaat perubatan anda diunderait berdasarkan prinsip perkongsian risiko. Dalam erti kata lain, kadar tabarru' anda dikumpul bersama kadar tabarru' pemegang sijil yang lain untuk membayar semua tuntutan perubatan yang ditanggung. Prinsip perkongsian risiko memastikan setiap pemegang sijil dilindungi secara saksama daripada risiko kos perubatan yang tinggi. Oleh itu, peningkatan kos perubatan juga dikongsi bersama diantara kumpulan pemegang sijil.

5. **Apakah langkah yang diambil oleh AmMetLife Takaful untuk mengawal kenaikan kos tuntutan?**

AmMetLife Takaful amat menitikberatkan pengurusan kenaikan kos tuntutan perubatan secara berhemat dan bijak. Oleh itu, kami telah menubuhkan program pengurusan kos dan menyemak program tersebut secara berkala dengan memberi penekanan untuk mengawal dan membendung kos penjagaan kesihatan dengan berkesan. Berikut adalah beberapa inisiatif kawalan kos kami:

- Pemberian diskaun korporat serta-merta untuk bil hospital daripada hospital panel kami.
- Kajian terhadap trend keseluruhan penggunaan perubatan dijalankan bagi mewujudkan program yang lebih meluas untuk menggalakkan penglibatan ahli dalam menjaga kesihatan, membina gaya hidup mereka serta menggalakkan pencegahan sebagai inisiatif pengurusan kos tidak langsung.
- Memastikan tuntutan yang ditanggung oleh penyedia penjagaan kesihatan adalah bersesuaian dan penjagaan perubatan berkaitan yang diberikan kepada pesakit adalah mengikut keperluan perubatan mereka.

6. Bagaimanakah kadar tabarru' disemak semula saya ditentukan?

Kadar tabarru' ditentukan berdasarkan keseluruhan tuntutan perubatan sebenar yang dibayar bagi Medical Cover Rider yang mana ianya lebih tinggi daripada jangkaan. Oleh itu, kadar tabarru' untuk semua pemegang sijil akan meningkat berdasarkan prinsip perkongsian risiko. Kadar tabarru' akan disemak semula untuk menampung peningkatan dalam kos tuntutan perubatan dan membolehkan kami menyediakan perlindungan perubatan anda secara berterusan sekiranya sijil anda berkuat kuasa.

7. Adakah kadar tabarru' Medical Cover Rider dijamin selepas semakan semula kadar tabarru' ini?

Syarat-syarat Am kontrak sijil menjelaskan bahawa kadar tabarru' tidak dijamin dan boleh disemak semula dengan memberi notis bertulis kepada pemegang sijil sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh kuat kuasa kadar tabarru' yang baru.

8. Adakah terdapat sebarang perubahan kepada manfaat perlindungan saya selepas semakan semula kadar tabarru' ini?

Semua manfaat yang sedia ada kekal dan tidak akan berubah.

9. Mengapakah saya dinasihatkan agar membayar sumbangan tambahan untuk sijil saya selepas kadar tabarru' disemak semula?

Peningkatan sumbangan (iaitu Sumbangan Bahagian Pelaburan) hanyalah untuk menampung kadar tabarru' yang disemak semula. Walaupun dengan jumlah sumbangan baru, nilai akaun sijil anda mungkin tidak mencukupi pada setiap masa untuk membayar kadar tabarru' dan caj- caj lain yang mungkin menyebabkan gangguan kepada perlindungan perubatan anda. Kadar peruntukan sumbangan untuk Sumbangan Bahagian Pelaburan adalah 95% dan amaun tersebut akan digunakan untuk membeli unit dalam dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih.

10. Bagaimanakah kadar tabarru' saya yang disemak semula akan dicaj?

Kadar tabarru' yang disemak semula akan dicaj dan ditolak daripada dana-dana pelaburan pada ulang tahun sijil anda yang seterusnya.

11. Bagaimanakah sumbangan tambahan akan dilaksanakan ke atas sijil saya?

Untuk mengurangkan kesan kewangan semakan kadar tabarru' serta melindungi liputan perubatan anda dari sebarang gangguan, pendekatan fasa secara berperingkat selama dua tahun untuk sumbangan tambahan akan dilanjutkan secara automatik ke atas pelan anda. Sumbangan tambahan secara berperingkat akan dilaksanakan seperti berikut:

- Fasa 1: Berkuat kuasa dari tarikh ulang tahun sijil yang berikutnya; dan
- Fasa 2: Berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya selepas Fasa 1.

Sumbangan tambahan bagi Fasa 2 akan terus kekal untuk tahun-tahun sijil berikutnya.

12. Bagaimanakah jika saya tidak ingin membayar sumbangan tambahan?

Anda boleh memilih pelan yang lebih rendah dengan perlindungan yang dikurangkan. Jika anda memilih pelan yang lebih rendah, anda dinasihatkan agar menilai sama ada pelan yang lebih rendah tersebut boleh memenuhi keperluan perlindungan perubatan anda.

Sekiranya pelan sedia ada anda adalah pelan yang paling rendah, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami atau hubungi ejen anda untuk mempertimbangkan pilihan-pilihan berikut:

- Mengurangkan jumlah perlindungan pelan asas; atau
- Mengurangkan jumlah perlindungan rider(-rider) lain; atau
- Membatalkan rider(-rider) lain.

13. Bagaimanakah jumlah sumbangan baru saya akan dicaj?

Jumlah sumbangan baru akan dicaj secara automatik pada ulang tahun sijil anda yang seterusnya. Jumlah sumbangan baru, termasuk sumbangan tambahan akan mengikut aturan bayaran sumbangan anda yang sedia ada dari segi kaedah bayaran sumbangan dan kaedah pembayaran.

Jika bayaran anda adalah melalui auto-debit atau kad kredit, jumlah sumbangan baru akan dicaj secara automatik. Bagaimanapun, jika jumlah sumbangan baru lebih daripada baki amaun auto-debit, jumlah sumbangan baru tidak akan dicaj. Anda dikehendaki menyerahkan semula Borang Permohonan Auto Debit (untuk auto-debit)/ Kebenaran Untuk Mendebit Kad Kredit (untuk kad kredit) kepada AmMetLife Takaful. Borang-borang tersebut boleh didapati di www.ammetylifetakaful.com. Jika bayaran anda adalah melalui tunai atau cek, anda perlu membayar amaun penuh sumbangan baru sebelum tarikh akhir sumbangan.

14. Apakah pilihan yang ada jika saya tidak mampu membayar kadar tabarru' dan sumbangan tambahan yang dicadangkan?

Anda boleh memilih pelan yang lebih rendah dengan perlindungan yang dikurangkan. Jika anda memilih pelan yang lebih rendah, anda dinasihatkan agar menilai sama ada pelan yang lebih rendah tersebut boleh memenuhi keperluan perlindungan perubatan anda.

Sekiranya pelan sedia ada anda adalah pelan yang paling rendah, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami atau ejen anda untuk mempertimbangkan pilihan-pilihan berikut:

- Mengurangkan jumlah perlindungan pelan asas; atau
- Mengurangkan jumlah perlindungan rider(-rider) lain; atau
- Membatalkan rider(-rider) lain.

Anda boleh merujuk kepada **Lampiran 1** untuk maklumat tentang pelan-pelan yang lain dan **Lampiran 2** untuk kadar tabarru' tahunan yang disemak semula.

Anda tidak digalakkan untuk membatalkan rider ini kerana manfaat perlindungan perubatan anda akan terhenti dan ditamatkan. Oleh itu, kami menyarankan anda mengekalkan pelan sedia ada anda bagi mengurangkan risiko memiliki perlindungan perubatan yang tidak mencukupi.

15. Apakah yang perlu saya lakukan seterusnya?

Jika anda mengambil keputusan untuk mengekalkan pelan semasa, anda tidak perlu memaklumkan kepada AmMetLife Takaful. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan agar membuat pembayaran yang diperlukan untuk memastikan jumlah sumbangan baru telah dibayar sepenuhnya supaya sijil anda kekal berkuat kuasa.

Jika anda mengambil keputusan untuk memilih pilihan yang lain, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di **1-300-22-9777** atau e-mel kami di **customer care@ammetlifetakaful.com**. Anda juga boleh menghubungi ejen anda sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan.

LAMPIRAN 1

Medical Cover Rider disediakan dalam 4 pelan dengan tahap manfaat berlainan:

Jenis Pelan (Maksimum Setiap Kehilangan Upaya)	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Manfaat Kemasukan Hospital				
Bilik & Penginapan (maksimum seratus lima puluh (150) hari)	150	200	300	400
Unit Rawatan Rapi (maksimum tujuh puluh lima (75) hari)	250	300	400	500
Pelbagai Perkhidmatan Hospital	Mengikut caj yang dikenakan* tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan & Had Seumur Hidup			
Fi Bilik Pembedahan				
Manfaat Pembedahan				
Fi Pakar Bius				
Manfaat Pra & Rawatan Susulan Hospital				
Perkhidmatan Diagnostik Prahospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)	Mengikut caj yang dikenakan* tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan & Had Seumur Hidup			
Rundingan Doktor Pakar Prahospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)				
Rawatan Susulan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar hospital)				
Pendapat Pembedahan Kedua (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum pembedahan)				
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum dua (2) lawatan sehari/ maksimum seratus lima puluh (150) hari)				
Manfaat Pesakit Luar				
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan akibat Kemalangan termasuk Kecederaan gigi (dalam tempoh dua puluh (24) jam & tiga puluh satu (31) hari untuk rawatan susulan)	1,500	2,000	3,000	4,000
Fisioterapi pesakit luar (dengan rujukan bertulis dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas keluar hospital / pembedahan)	Mengikut caj yang dikenakan* tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan & Had Seumur Hidup			
Prosedur jagaan harian (termasuk semua perkhidmatan dan bekalan yang berkaitan)				
Fi Ambulans				
Fi Rekod Perubatan	80	80	80	80
Manfaat Malapetaka Perubatan				
Rawatan Kanser Pesakit Luar (maksimum setahun)	30,000	40,000	50,000	60,000
Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (maksimum setahun)	30,000	40,000	50,000	60,000
Pemindahan Organ (sekali seumur hidup)	50,000	75,000	100,000	125,000
Lain-lain Manfaat				
Cukai Jualan dan Perkhidmatan	Mengikut caj yang dikenakan* tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan & Had Seumur Hidup			
Had Tahunan Keseluruhan	75,000	100,000	150,000	200,000
Had Seumur Hidup	375,000	500,000	750,000	1,000,000

*Caj yang dikenakan bermaksud caj sebenar yang dikenakan bagi rawatan perubatan yang sewajarnya, yang perlu dan kebiasaan bagi rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.

LAMPIRAN 2

Berkuat kuasa dari 11 November 2022, kadar tabarru' tahunan (dalam RM) adalah seperti berikut:

Umur pada Hari Lahir Berikutnya	Kadar Tabarru' yang Disemak Semula (RM)			
	Plan 1	Plan 2	Plan 3	Plan 4
30 hari hingga 5	1,132	1,518	1,690	1,991
6 to 17	397	605	704	732
18 to 35	490	903	1,002	1,018
36 to 45	658	1,176	1,300	1,325
46 to 55	937	1,599	1,772	1,809
56 to 60	1,327	2,195	2,418	2,467
61 to 65**	1,792	3,039	3,511	3,587
66 to 70**	2,201	3,958	4,604	4,685
71 to 75**	2,629	5,002	5,846	5,959
76 to 80**	3,317	6,666	7,858	8,001

**Terpakai untuk umur pembaharuan sahaja

Nota:

Kadar tabarru' sebenar anda mungkin berbeza dan tertakluk kepada penambahan sumbangan pekerjaan atau penambahan sumbangan kesihatan berdasarkan keperluan pengunderaitan AmMetLife Takaful.

Penafian:

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan timbul antara versi Bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris, versi bahasa Inggeris akan terpakai.